

## **AMALAN BERAGAMA DALAM KALANGAN KOMUNITI PENAN BINTULU SARAWAK**

Ahmad Nasir Mohd Yusoff

### **ABSTRAK**

Kajian ini dilakukan bertujuan menyingkap aspek penerimaan, kefahaman dan penghayatan Islam masyarakat Penan Bahagian Bintulu Sarawak, mengkaji sejauhmana peranan yang dimainkan oleh badan-badan dakwah kerajaan dan NGO Bahagian Bintulu dalam usaha menarik masyarakat pribumi Sarawak kepada Islam. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam memperolehi data dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan lapangan. Kaedah tinjauan turut digunakan di lokasi perkampungan masyarakat Penan Bintulu Sarawak termasuk pemerhatian dan temu bual bersama Timbalan Residen Bahagian Bintulu, dan pihak berkaitan dengan urusan perjalanan dakwah dalam organisasi dakwah kerajaan dan NGO. Untuk tujuan ini seramai 304 orang iaitu 170 lelaki (55.9 %) dan 134 perempuan (44.1 %) telah dijadikan responden Hasil kajian mendapati peningkatan peratusan dalam aspek kefahaman terhadap rukun iman, rukun Islam dan amal ibadah lain, begitu juga dengan persepsi masyarakat Penan Bukan Islam terhadap masyarakat Penan yang memeluk Islam (136 responden) dan proses interaksi yang terjalin sesama masyarakat dan penambahbaikan yang perlu, sesuai dengan perkembangan zaman berkaitan aspek penghayatan ajaran Islam serta peranan badan-badan dakwah. Penemuan ini amat bermanfaat kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam urusan keagamaan seperti badan-badan dakwah kerajaan dan badan NGO, penyelidik dan para pendakwah. Diharapkan pada masa hadapan penyelidikan ini akan diteruskan oleh pengkaji lain untuk mengenalpasti masyarakat pribumi lain di bahagian –bahagian lain di Sarawak yang berminat dengan Islam serta kajian berkaitan misi Kristianisasi yang bergerak aktif di kawasan pedalaman bahagian-bahagian Sarawak.

**Kata kunci:** *amalan, beragama , komuniti Penan, Bintulu, Sarawak, NGO*

## **RELIGIOUS PRACTICES AMONG COMMUNITY PENAN BINTULU SARAWAK**

### **ABSTRACT**

*This study aims to reveal aspects of acceptance, understanding and appreciation of Islam Penan of Sarawak Bintulu, examine the role played by government propaganda agencies and NGOs in order to attract Bintulu Sarawak indigenous people to Islam. The method used by the researcher in obtaining the data using the library and the field. The survey method was used at the site of Bintulu Sarawak Penan villages including observations and interviews with Deputy Bintulu Resident, and the connection with the business trip missionary in the missionary organizations and NGOs. For this purpose a total of 304 people, representing 170 men (55.9%) and 134 women (44.1%) have been made respondents. The study found that the percentage increase in the understanding of the tenets of the faith, the pillars of Islam and deeds of others, as well as the perception of the Penan Non-Muslims the Penan community who converted to Islam (136 respondents) and the process of interaction that exists between communities and the necessary improvements, in accordance with the times relevant aspects of the appreciation of the teachings of Islam and the role of missionary bodies. These findings are very helpful to the government agencies involved in religious affairs such as government propaganda agencies and NGOs, researchers and preachers. Hopefully in the future this research will be continued by other researchers to identify other indigenous people in the other parts of Sarawak who are interested in Islam as well as studies related to the Christianisation mission active in rural parts of Sarawak.*

**Keywords:** *practice, religious, Penan, Bintulu, Sarawak, NGOs*

### **PENGENALAN SEJARAH BINTULU**

Bintulu (Buletin UPMKB Bintulu Oh Bintulu, Edisi 04, Oktober-Disember 2005 :1) mula diisytiharkan sebagai sebuah Bahagian pada 31 Ogos tahun 1986 oleh YAB Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam majlis perlancongan Hari Kebangsaan 1986 (Chang Pat Foh, 1996: 5). Pada 31 Disember 1986 satu upacara penyerahan watak Bahagian Bintulu telah dilakukan di Pejabat Residen Bintulu dengan disaksikan oleh ketua-ketua

masyarakat dan ketua-ketua jabatan. Secara rasminya mulai 1 Januari 1987 Bintulu mula beroperasi sebagai sebuah Bahagian yang baru yang merangkumi Daerah Bintulu (1960 km persegi), Tatau (2656 km persegi), Sangan (2270 km persegi), Sebauh (3928 km persegi) dan Tubau ( 1316 km persegi). Justeru keluasan kawasan Bintulu adalah 7,220.4 km persegi [ 5.8 %] (Jabatan Perangkaan, 2006: 2). Ia terletak 650 km dari Bandar Kuching dan kira-kira 215 km dari Sibu atau Miri.

### **Penduduk Bintulu**

Penduduk Iban terbentuk daripada 45.5% penduduk Bintulu, manakala kelompok Bidayuh pula 1.56 % . Di samping dua etnik utama ini Bintulu turut didiami oleh kelompok pribumi lain yang dikenali antaranya sebagai Penan (Tun Mohamed Suffian b. Hashim, 1984 :408) Punan, Kenyah, Kelabit, Bisayah, Lumbawang dan Kayan. Kelompok-kelompok kecil pribumi ini turut dikenali sebagai ‘Orang Ulu’ (Jeffrey Jalong, 2007 :8) dan mereka terbentuk 5.5 % daripada jumlah penduduk Bintulu. Setiap kaum ini mempunyai bahasa ibunda, adat resam dan budaya mereka yang tersendiri .Di samping kelompok etnik Iban, Bidayuh dan Orang Ulu yang membentuk populasi penduduk, Bintulu turut memiliki kelompok pribumi yang tidak kurang ramai jumlahnya iaitu Melayu dengan 11.25 %, Melanau 13.2 %, lain-lain 0.5 % dan bukan pribumi iaitu Cina 22.2 %. Pecahan penduduk Bintulu ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam jadual berikut :

Jadual (1): Bilangan Penduduk Bintulu 2008

<b>Bil</b>	<b>Kelompok Etnik</b>	<b>2005 *</b>	<b>%</b>
1	Melayu	16000	11.25
2	Iban	64800	45.5
3	Bidayuh	2200	1.56
4	Melanau	18900	13.2
5	Bumiputera Lain	7900	5.5
6	Cina	31600	22.2
7	Lain-Lain	800	0.5
	Jumlah	142200	100

*Sumber : Perangkaan Bulanan Jabatan Perangkaan 2008*

Namun sekiranya dibahagikan masyarakat ini kepada rangkuman tiga kelompok utama berdasarkan pembahagian Melayu-Melanau-Muslim, Dayak dan Cina (Nidzam Sulaiman, 2006 :154) ia kelihatan seperti berikut:

Jadual (2): Pecahan Rangkuman Etnik Utama  
Penduduk Bintulu Tahun 2008

<b>Kelompok Etnik</b>	<b>Jumlah</b>	<b>%</b>
Melayu-Melanau-Muslim	34900	24.2
Dayak	74900	51.9
Cina	31600	21.9
Lain-lain	800	0.5
<b>JUMLAH</b>	<b>144200</b>	<b>100</b>

*Sumber : Soal Selidik 2009*

Jadual di atas menggambarkan pembahagian yang agak seimbang bagi tiga kelompok utama penduduk Bintulu. Meskipun demikian pemerhatian mendalam menunjukkan bahawa kelompok Cina dan Melayu – Melanau sahaja yang sepadu. Sebaliknya kelompok Dayak (Iban dan Bidayuh) masih terbahagi berasaskan parti politik dan daerah. Hal ini jelas apabila penduduk Iban membentuk majoriti komposisi 45.5 % tetapi tidak juga melebihi separuh daripada jumlah penduduk keseluruhan Bintulu. Kaum Iban hanya menjadi komposisi terbesar penduduk di Sarawak apabila digabungkan dengan beberapa suku kaum pribumi bukan Islam lain yang dikenali sebagai Dayak seperti Bidayuh (Chang Foh, Dr, 2000 : 5) Kayan, Kenyah, Kelabit dan etnik-etnik lain yang dikenali dengan Orang Ulu. Di Bahagian Bintulu penduduk Iban sudah ramai yang mendiami kawasan bandar bagi tujuan memperbaiki status ekonomi. Walau bagaimanapun masih ramai penduduk Iban yang tinggal di kawasan luar bandar dan mendiami rumah panjang.

#### **Sejarah Kedatangan Awal Etnik Penan Ke Bintulu**

Menurut En.Piee B.Miring, bekas Ketua Kampung Ke-12 (Temubual dengan Piee b. Miring, 10/3/2007) dan anak beliau En.Raini B.Piee (Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung, Kampung Penan (Temubual dengan Raini b.Piee, 20/3/2007) Bt.10 yang terletak di antara perjalanan Bintulu – Miri) serta maklumat daripada En.John B.Kelat (Profail Komuniti Bestari Penan Bt.10, 2007) Ketua Kampung Penan Ke-13. Mereka membuat akuan bahawa mereka adalah penduduk asal dan yang terawal datang ke Bahagian Bintulu dan penempatan pertama mereka adalah di Hulu Sg.Sibiew sejak tahun 1800 iaitu lebih kurang 200 tahun dahulu. Kesan penempatan rumah dan kampung lama mereka ini masih wujud sampai sekarang dan boleh dilihat. Ia terletak di kawasan antara

Bekalan Air Laku, Batu 6, Jalan Nyabau dan Hilir Sungai Tisang serta di Sungai Turuk di sebelah kanan ke Hulu Sungai Sibiew, Bintulu. Pada peringkat awal kedatangan etnik Penan ke Bahagian Bintulu terdapat 33 orang sahaja dengan 13 Ketua Kaum Penan. Ketua Kaum tersebut terdiri daripada Melut, Lua, Mawing, Salus ak Mawing, Sukang ak Mawing, Madang B. Salus, Keliboi B. Salus, Miring B. Sukang, Saat B. Sukang, Saidi B. Begong, Meli B. Sunjoi, Piee B. Miring dan John B. Kelat. Pada masa kini Pemangku Ketua Kampung Penan Bt.10 dipegang oleh En Raini B. Piee setelah kematian En. John B. Kelat. (Temubual dengan Raini b. Piee, 21/3/2007) Selepas itu perkampungan etnik Penan juga dibuka di beberapa buah kampung lain.

Oleh kerana kawasan perkampungan ini didiami oleh masyarakat Penan yang asal dan yang terawal maka ia dinamakan Kampung. Penan Bt.10 dan telah didaftarkan sebagai sebuah kampung yang sah oleh kerajaan. Antara perkampungan Penan lain yang menjadi lokasi kajian pengkaji seperti Kampung. Penan Bt.12, Kampung. Penan Bt.12 ½., Kampung Yuh di Bahagian Bintulu dan Kampung Suai di Bahagian Miri. Kelima-lima kampung Penan ini dianggap perkampungan tradisi kerana ia diwarisi daripada datuk nenek moyang. Menurut En. Piee B. Miring kampung Penan Bt.10, Kampung. Penan Bt.12 dan Kampung. Penan Bt.12 ½., telah dibuka sekitar tahun 1968 M dan dinamakan sempena nama kaum mereka yang mula-mula tiba di perkampungan tersebut (Temubual dgn Yuh B. Menjelai. 3/3/2007). Kampung Yuh pula menurut En Yuh B. Menjelai dibuka sekitar tahun 1980-an. (Temubual dgn Ugos B. Sugon. 24/3/2007) manakala Kampung Suai dibuka sekitar tahun 1964 Menurut En Ugos B. Sugon dan En. Jimon Ak. Sugon (Temubual dgn Jimon Ak. Sugon<sup>24/3/2007</sup>)

Jadual (3): Bilangan KIR Pribumi Penan Bt.10, Bt.12, Bt.12 ½, Kg. Yuh Dan Kg. Suai

Bil	Kampung Penan	Daerah Pentadbiran	Jumlah Kir
1	Penan Bt.10	Bintulu	21
2	Penan Bt.12	Bintulu	11
3	Penan Bt.12 ½	Bintulu	32
4	Kampung Yuh	Bintulu	30
5	Jambatan Suai	Miri	39
	JUMLAH		133

Sumber : Diolah Daripada Profail Laporan Soal Selidik 2007 Dan Pejabat Daerah Sebauh Dan Bintulu

### **Profil Sampel Kajian**

Seramai 304 responden termasuk KIR (Laporan Soal Selidik.2007) yang menjadi sampel kajian ini dan merupakan sasaran penyelidikan. Kesemua mereka adalah masyarakat pribumi Penan dari perkampungan Penan Bt.10, Penan Bt.12, Penan Bt.12 ½, Penan Kg.Yuh dan Penan Suai, Bahagian Bintulu dan Miri Sarawak. Jadual di bawah menunjukkan bilangan sampel adalah seramai 304 orang yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 170 lelaki ( 55.9 % ) dan 134 orang perempuan ( 44.1 % ).

Jadual (4): Bilangan Sampel Kajian

<b>Bil.</b>	<b>Jantina</b>	<b>Bil.</b>	<b>Peratus</b>
1	Lelaki	170	55.9
2	Perempuan	134	44.1
	Jumlah	304	100

*Sumber : Soal Selidik 2009*

### **Statistik Penduduk Penan Di Sarawak Terkini**

Pengkaji mendapati jumlah terkini masyarakat Penan di Sarawak berdasarkan Bahagian-bahagian yang menjadi tempat kediaman masyarakat Penan. Dalam Buku Laporan yang dibuat oleh pihak SUHAKAM tahun 2006 untuk keluaran edisi pertama bagi tahun 2007 (SUHAKAM, 2007 :5-8) menyatakan bilangan etnik Penan adalah seramai 15,485 orang di Sarawak. Populasi ini merangkumi Bahagian Baram, Miri, Bintulu, Limbang dan Belaga. Pecahan setiap bahagian adalah ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual (5): Jumlah Masyarakat Penan di Sarawak

<b>Bil</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Bil.Kg/Kir</b>	<b>Bilangan</b>
1	Miri	Baram, Miri ( Suai dan Niah)	69	9,223 1,637
2	Bintulu	Bintulu	8	1,187
3	Limbang	Limbang	10	392
4	Kapit	Belaga	20	3,041
	<b>JUMLAH</b>		107	15,480

*Sumber : Pejabat Residen dan Daerah Miri, Kapit, Limbang dan Bintulu 2009*

### **Pendidikan Anak-anak Penan Terkini**

Dalam aspek pendidikan, pengkaji mendapati sudah ada kesedaran yang timbul di kalangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Meskipun tidak ramai anak-anak Penan yang menerima pendidikan disebabkan masalah-masalah kewangan dan bantuan peralatan sekolah yang tidak mampu ibu bapa mereka sediakan tetapi tahap kesedaran di kalangan segelintir masyarakat Penan menunjukkan suatu keadaan yang positif. Menurut Puan Norlila bt. Ahmad (Temubual dgn Norlila bt. Ahmad. 10/9/2007), pegawai tadbir di Jabatan Residen Bahagian Miri, ada di setengah-tengah tempat terutama di bahagian Ulu seperti di Bahagian Kapit dan Ulu Belaga, ibu bapa Penan menyerahkan bulat-bulat anak ke sekolah dengan segala bantuan terpaksa disediakan oleh pihak sekolah. Antara keperluan seperti bantuan pakaian sekolah, beg dan juga pengangkutan bagi membawa anak-anak mereka yang tinggal di perdalaman ke sekolah. Jadual berikut menjelaskan lagi bilangan anak-anak Penan yang menerima pendidikan di sekolah rendah dan menengah dalam banciaan yang dibuat pada tahun 2006.

Jadual (6): Jumlah Sekolah di Daerah di Serawak

<b>Bil</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Sekolah Menengah</b>	<b>Sekolah Rendah</b>	<b>Catatan</b>
1	Baram	28	1277	Penan Campur
2	Miri	11	201	
3	Limbang	3	105	
4	Belaga	7	565	
5	Bintulu	5	54	
	<b>JUMLAH</b>	<b>1331</b>	<b>2256</b>	

Menurut Datuk Hassan Suai, (Temubual dgn Datuk Hassan Suai. 4/9/2007) pada masa kini terdapat 12 pelajar Penan yang berjaya memperolehi ijazah dari universiti luar negara seperti Universiti Drexel di Amerika dan Universiti Tempatan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pada masa yang sama seramai 5 orang pelajar Penan masih meneruskan pengajian di peringkat ijazah di universiti tempatan, 2 orang telah memperolehi sijil Diploma dan 6 lagi masih meneruskan pengajian di peringkat diploma.

## **ANALISIS ISLAM DALAM KALANGAN ETNIK PENAN**

### **Pendahuluan**

Bagi memenuhi keperluan kajian, berikut merupakan analisis dapatan soal selidik berkaitan item-item penerimaan, kefahaman dan penghayatan etnik pribumi Penan terhadap Islam serta peranan badan-badan dakwah Bahagian Bintulu dalam usaha mengajak etnik pribumi kepada Islam. Majoriti etnik Penan di lokasi kajian pengkaji menganut agama Kristian yang bermazhab Roman Katholik (RC), minoriti yang Islam dan sebahagian kecil masih mengamalkan kepercayaan animisme. (Muhammad Yusof Hashim, 1989 : 20)

Pengkaji mendapati perkembangan Islam mendapat maklumbalas yang baik dan positif daripada etnik Penan Bahagian Bintulu. Susulan daripada itu pengkaji mendapati sokongan juga diberikan oleh Jabatan Agama Islam (JAIS) Bahagian Bintulu dengan menyediakan tenaga pengajar seperti Ust. Wan Sulaiman B. Wan Maulana, Ust.Kamaruddin, Hj. Bujang dan Ust. Rafee Morshidi ke perkampungan etnik Penan. Islam di kalangan etnik Penan Bahagian Bintulu turut dipengaruhi oleh faktor perkahwinan merentasi budaya seperti Penan dengan Melanau, Iban dan Melayu (Temubual dgn Ust.Rafee Morshidi. : 2/2/2006) Malahan ada yang mempelajari adat resam orang Melayu Sarawak, bercakap bahasa Melayu atau Melanau Bintulu hingga ada di kalangan mereka yang lupa terhadap bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Penan (Asmah Haji Omar, 1994 : 149) Maklumat diperolehi menerusi soal selidik yang diedar dan menggunakan skala Likert menerusi angkubah Sangat Faham, Faham, Kurang Faham, Tidak Faham dan Tidak Tahu.

### **Analisis Dapatan Kajian Penerimaan Masyarakat Pribumi Penan Terhadap Islam**

Merujuk kepada kajian pengkaji berkaitan penerimaan Islam di kalangan etnik Penan di Bahagian Bintulu Sarawak, pengkaji mendapati kandungan ajaran Islam yang benar (70.8%) berupaya mengubah paradigma etnik Penan di lokasi-lokasi kajian untuk menerima Islam. Dorongan keluarga (17.9 %) juga berupaya merangsang pemikiran masyarakat Penan untuk menerima Islam berbanding agama-agama lain. Malahan faktor-faktor lain yang turut membantu ke arah penerimaan Islam di kalangan etnik Penan terdiri daripada pergaulan dengan etnik-etnik lain yang terlebih dahulu



memeluk Islam ( 6.0 % ), diikuti dengan pengaruh rakan sebaya ( 2.4 % ) dan perkahwinan (3.0 %). (Warta HIKMAH, (Okt-Dis 2006 : 3)

Walau bagaimanapun etnik Penan yang menerima Islam bukan hanya dipengaruhi oleh faktor-faktor yang dinyatakan di atas, tetapi turut dibuktikan dengan penerimaan mereka terhadap aktiviti dakwah yang dijalankan di perkampungan mereka dan rata-rata mereka mengatakan ia bersesuaian dengan nilai-nilai murni (99.0 %) yang sekian lama dipraktikkan dalam masyarakat. Malahan mereka juga menyatakan minat terhadap aktiviti dakwah yang diadakan seperti ceramah agama, kursus-kursus ibadah, kursus bacaan al Qur'an dan tajwid ( 94.0 % ). Disamping itu mereka tiada masalah untuk menerima kunjungan para pendakwah sama ada dari Jabatan kerajaan atau badan-badan NGO dan orang perseorangan (93.0 %). (Laporan Soal Selidik, 2008)

Secara keseluruhan juga, pengkaji mendapati kesan positif mereka yang memeluk dan menerima Islam, kebanyakan responden sependapat menyatakan hati dan jiwa mereka menjadi lebih tenang (72.6 %), dijauhi daripada gangguan anasir-anasir negatif (10.7 %), mendapat ramai kawan (9.5 %) dan turut disayangi oleh ahli keluarga mereka yang sudah menerima Islam dan masyarakat setempat (0.6 %) serta mendapat bantuan kewangan (6.5 %). Di sini pengkaji berpendapat faktor ketenangan ini merupakan elemen yang kuat mengapa mereka boleh menerima Islam. (Laporan Soal Selidik, 2008)

Analisis persepsi etnik Penan yang menerima Islam terhadap keberkesanan elemen kandungan dalam ajaran Islam terhadap penerimaan Islam juga menunjukkan terdapat seramai (58.0%) yang bersetuju menyatakan Islam adalah agama yang memberikan kebahagiaan mereka bukan sahaja di dunia malahan di akhirat. Islam juga menjelaskan tentang jaminan keselamatan terhadap harta, nyawa, maruah, agama dan lain-lain (19.0 %) dalam kehidupan manusia yang mana jaminan ini tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana agama lain di dunia ini, Islam turut mengutamakan aspek perpaduan atau persaudaraan (20.0%) dan mengelak sejauh mungkin aspek permusuhan dengan agama lain (2.0 %) atau memutuskan ikatan kekeluargaan (1.0 %). Semua ini menguatkan lagi azam etnik Penan ini untuk menerima Islam tanpa berpaling ke belakang lagi. Implikasi daripada situasi ini menyebabkan mereka berperanan dan merasa

bertanggungjawab mengajak saudara mereka yang masih belum memeluk Islam agar menerima Islam. (90.0 % ).

Dalam kajian ini, pengkaji juga mendapati masyarakat Penan yang menerima Islam tidak ditentang oleh mana-mana etnik Penan Bukan Islam terutama dari kalangan ahli keluarga mereka sendiri (28.0 %). Sebahagian besar ibu bapa menerima anak-anak mereka yang memeluk Islam dengan baik dan rata-rata ibu bapa mereka juga lebih suka berdiam diri (42.7 %). Dan yang menarik di sini terdapat ibu bapa yang ingin tahu tentang Islam daripada anak-anak mereka yang telah menerima Islam (26.1%). Walaupun ada ibu bapa yang cuba menghalang anak-anak mereka memeluk Islam, tapi pengkaji mendapati peratusannya agak kecil yang tidak akan menghalang minat anak-anak mereka untuk menerima Islam seperti ugutan bunuh (0.6%), dihalau dari rumah (1.3%) atau dibuang keluarga (1.3% ).(Laporan Soal Selidik, 2008)

#### **Analisis Dapatan Kajian Kefahaman Asas-Asas Ajaran Islam Masyarakat Peribumi Penan Terhadap Islam**

Tinjauan terhadap tahap kefahaman rukun iman, rukun Islam dan amal ibadah lain dalam Islam di kalangan etnik pribumi Penan di Bahagian Bintulu dalam kajian ini mendapati bahawa kefahaman mereka terhadap perkara yang disebutkan di atas secara keseluruhannya berada pada tahap yang memuaskan. Responden ditanya berkaitan dengan rukun iman yang merangkumi persoalan ketuhanan, kepercayaan kepada malaikat, kepercayaan kepada al Kitab / al Qur'an, kenabian, hari akhirat dan persoalan qada' dan qadar. Manakala dalam rukun Islam, merangkumi persoalan syahadah, sembahyang, puasa, zakat dan mengerjakan ibadah haji.

Analisis keseluruhan terhadap kefahaman rukun iman dalam aspek ketuhanan menunjukkan sebahagian besar kefahaman tentang konsep ketuhanan berada pada tahap yang tinggi adalah berkaitan dengan kefahaman tentang rukun iman (72.6%), Allah tidak bertempat (73.2%), Allah melihat setiap perbuatan manusia (73.2%) dan Allah maha Esa (68.3%). Namun demikian analisis kefahaman terhadap kepercayaan kepada Malaikat di kalangan etnik Penan menunjukkan kecenderungan yang membimbangkan di mana (52.1%) menunjukkan responden mempunyai kefahaman yang salah kerana mereka menyatakan Malaikat kadang-kadang bersifat patuh dan kadang-

kadang tidak, Malaikat adalah anak perempuan Allah (44.6%). (Laporan Soal Selidik, 2008)

Fenomena yang sama turut berlaku terhadap kefahaman mereka terhadap al Kitab / al Qur'an di mana 63.0% menyatakan bahawa mempelajari al Qur'an adalah tidak wajib, membaca al Qur'an adalah tidak mendapat pahala atau sia-sia sahaja (62.5%). Pun begitu terdapat (73.8%) responden yang menyatakan al Qur'an merupakan panduan hidup bagi orang Islam. (Laporan Soal Selidik, 2008) Analisis keseluruhan terhadap kefahaman tentang kenabian dan kerasulan menunjukkan sebahagian besar kefahaman tentang kenabian dan kerasulan berada pada tahap yang tinggi adalah berkaitan dengan kefahaman bahawa nabi Muhamad s.a.w diutus kepada seluruh umat manusia (70.2 %), nabi Muhamad adalah Rasul Terakhir (69.6%) dan Nabi Muhamad tidak sekali-kali melakukan dosa (61.3%). Namun demikian analisis kefahaman terhadap kefahaman nabi Muhamad terdiri daripada lelaki dan perempuan menunjukkan kecenderungan yang membimbangkan di mana (61.3%) menunjukkan responden mempunyai kefahaman yang salah kerana mereka menyatakan nabi Muhamad s.a.w terdiri daripada lelaki dan perempuan. (Laporan Soal Selidik, 2008)

Sementara analisis terhadap kefahaman terhadap perkara *ghaib / samiyyat* menunjukkan sebahagian besar kefahaman tentang perkara *ghai /samiyyat* berada pada tahap yang tinggi adalah berkaitan dengan kefahaman bahawa hari kiamat pasti berlaku (70.8%), tiada siapa tahu bila berlakunya kiamat (70.8%), syurga tempat balasan kepada orang yang mengerjakan kebaikan (70.2%), neraka tempat balasan kepada orang yang mengerjakan kejahatan (69.6 %), begitu juga dengan kepercayaan bahawa syurga adalah tempat yang penuh dengan kesenangan (69.0 %), manakala neraka adalah tempat yang penuh dengan keseksaan (70.8 %). Terdapat sedikit kecenderungan yang menunjukkan kefahaman yang salah di mana terdapat (68.4%) responden menyatakan akhirat adalah tempat yang bersifat sementara. (Laporan Soal Selidik, 2009)

Analisis keseluruhan terakhir berkaitan dengan rukun iman yang keenam iaitu kefahaman tentang *qada'* dan *qadar* menunjukkan sebahagian besar kefahaman tentang *qada'* dan *qadar* berada pada tahap yang tinggi adalah berkaitan dengan kefahaman bahawa *qada'*

dan qadar adalah datang daripada Allah s.w.t (70.2%) dan manusia hanya boleh merancang tetapi Allah s.w.t yang menentukannya (80.9%). (Laporan Soal Selidik, 2009)

Manakala tahap kefahaman yang berkaitan dengan rukun Islam menunjukkan sebahagian besar kefahaman tentang rukun Islam berada pada tahap yang tinggi adalah berkaitan dengan kefahaman bahawa rukun Islam mengandungi lima perkara merangkumi persoalan syahadat, solat, zakat, puasa dan mengerjakan ibadah haji di Makkah (86.3 %). (Laporan Soal Selidik, 2009) Analisis keseluruhan secara terperinci berkaitan dengan kefahaman bahawa ibadah sembahyang mengandungi lima waktu dan perlu dikerjakan sehari semalam adalah berada pada tahap yang tinggi (86.3 %). Ia sama dengan kefahaman di kalangan responden bahawa hukum mengerjakan sembahyang lima waktu adalah wajib (85.7%). Fenomena ini menunjukkan bahawa responden begitu memahami tentang kewajipan sembahyang lima waktu. (Laporan Soal Selidik, 2009)

Analisis kefahaman terhadap kewajipan zakat wajib dikeluarkan oleh golongan kaya berada pada tahap tinggi (82.7%), begitu juga dengan kefahaman bahawa ibadah haji hanya wajib dilaksanakan sekali seumur hidup 45.9 % ) dan diikuti dengan kefahaman bahawa ibadah puasa wajib dikerjakan bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari (55.4 %). Masing-masing situasi ini menjelaskan tingkatan kefahaman yang tinggi di kalangan responden. Manakala tahap kefahaman yang rendah di kalangan responden pula antaranya melibatkan aspek kefahaman bahawa orang wajib berpuasa pada bulan Rejab bukannya bulan Ramadan ( 42.3 % ) dan orang Islam wajib menunaikan ibadah haji di Madinah (42.9 % ) yang sewajarnya di Makkah. Fenomena ini menunjukkan kefahaman yang rendah di kalangan responden dan perlu diberi perhatian agar pemahaman yang betul dapat dihayati oleh mereka. (Laporan Soal Selidik, 2009)

### **Analisis Dapatan kajian Penghayatan Asas-asas Ajaran Islam Masyarakat Pribumi Penan Terhadap Islam**

Sebanyak 10 item ditanyakan kepada responden untuk menilai tahap penghayatan Islam di kalangan etnik Penan Kampung Penan Bt.10, Kampung Penan Bt.12, Kampung Penan Bt.12 ½, Kampung Penan Yuh di Suburbun Jaya, Bahagian Bintulu Sarawak dan Kampung Penan Suai di Bahagian Miri. Berhubung dengan penghayatan,

responden ditanya dalam aspek pelaksanaan ibadah sembahyang fardu dan terawih, puasa, zakat, membaca al Qur'an dan amalan sunat. Turut ditanya tentang kefahaman terhadap kelebihan puasa, zakat dan sambutan perayaan Aidil Fitri /Aidil Adha.

Secara keseluruhan analisis keseluruhan terhadap penghayatan Islam di kalangan masyarakat etnik Penan menunjukkan sebahagian besar penghayatan etnik pribumi Penan dalam mengerjakan sembahyang lima waktu menunjukkan kecenderungan yang membimbangkan di mana (89.0%) mengerjakan sembahyang lima waktu pada waktu tertentu sahaja iaitu pada waktu maghrib, insyak dan zohor dan sekurang-kurangnya (8.0 %) yang mengerjakan sembahyang cukup 5 waktu. Kedapatan juga responden yang langsung tidak mengerjakan sembahyang 5 waktu iaitu kira-kira (3.0%). (Laporan Soal Selidik, 2009)

Hal yang sama juga pengkaji temui dalam analisis terhadap sembahyang Terawih yang dilaksanakan turut menunjukkan peratusan yang membimbangkan kerana sebahagian besar responden mengerjakan sembahyang sunat Terawih pada minggu pertama sahaja (77.0 %), diikuti (5.0 %) yang mengerjakan pada akhir Ramadan dan (13.0% ) responden menyatakan tidak berkesempatan melaksanakan sembahyang Terawih pada malam Ramadan.

Manakala tahap penghayatan paling rendah di kalangan responden turut melibatkan aspek mengerjakan amalan-amalan sunat seperti mengerjakan sembahyang sunat (1.8%), membaca al Qur'an (1.2%) dan berpuasa sunat (1.2%). Daripada aspek ibadah puasa Ramadan pula menunjukkan tahap penghayatan puasa di bulan Ramadan berada pada tahap yang rendah kerana sebahagian besar responden berpuasa di sebahagian bulan Ramadan (82.0%), hanya (8.0%) yang berpuasa sebulan penuh di bulan Ramadan dan terdapat ( 10.0%) responden yang tidak berpuasa (Laporan Soal Selidik, 2009).

Dalam pada itu, analisis terhadap zakat menunjukkan sebahagian besar responden memahami tuntutan mengeluarkan zakat fitrah dan sanggup membayarnya (92.0 %). Namun demikian masih kedapatan responden meskipun ia dalam jumlah yang kecil yang menyatakan tidak akan membayar zakat (0.7 %) dan masih ada responden yang menyatakan tidak tahu tentang ibadah berzakat (1%) (Laporan Soal Selidik, 2009).

Merujuk kepada hasil analisis item-item di atas, keseluruhannya pengkaji dapat menyimpulkan bahawa etnik Penan di Kampung Penan Bt.10, Kampung Penan Bt.12, Kampung Penan Bt.12 ½, Kampung Penan Yuh di Suburbun Jaya, Bahagian Bintulu Sarawak dan Kampung Penan Suai di Bahagian Miri adalah masih rendah dalam penghayatan terhadap amal ibadah dalam Islam, terutama dalam persoalan sembahyang fardu yang merangkumi sembahyang Subuh, Zohor, Asar, Maghrib Dan Insyak. Hal yang demikian juga berlaku dalam ibadah sembahyang terawih, berpuasa di bulan Ramadan, menunaikan zakat, membaca al Qur'an dan memahami hikmah berzakat dan berpuasa.

Pengkaji mendapati tahap penghayatan mereka ini lebih rendah berbanding dengan tahap pemahaman mereka terhadap ajaran Islam. Beberapa kemungkinan dapat dinyatakan dalam kajian ini antaranya ialah etnik Penan di lokasi-lokasi kajian tidak dipantau oleh pihak bertanggungjawab secara berkala untuk memastikan mereka dapat melakukan ibadah-ibadah syarak dengan sempurna dan konsisten. Kesibukan bekerja turut menghalang mereka menumpukan perhatian dalam pembelajaran ilmu fardu ain di surau atau masjid berdekatan.

#### **Analisis Dapatan kajian Peranan Badan-badan Dakwah Kerajaan Dan NGO Islam Bahagian Bintulu Sarawak**

Pada keseluruhan analisis menunjukkan badan-badan dakwah telah memainkan peranan penting dalam proses dakwah di Bahagian Bintulu. Antara badan-badan dakwah yang aktif berdakwah di Bahagian Bintulu antaranya adalah Jabatan Agama Islam Bahagian Bintulu (JAIS), JAKIM Cawangan Sarawak, Badan HIKMAH, Institusi Masjid Bintulu, Jemaah Tabligh, Majlis Islam Sarawak (MIS), MACMA, Islamic Information Centre (IIC), dan Bahagian Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pelajaran Bahagian Bintulu

Pengkaji dapat mengenalpasti dalam usaha menarik minat etnik Penan kepada Islam beberapa aktiviti seperti lawatan mingguan dan bulanan perlu kerap diadakan di kampung –kampung Penan yang masyarakat kampung mereka masih baru dengan Islam. Di samping itu kursus-kursus kemahiran dan kefahaman Islam di kalangan para *dai'e*, imam dan bilal perlu diadakan, memberi kursus asas dakwah kepada saudara-saudara Penan agar pemahaman dan penghayatan serta penyampaian ajaran Islam dapat disampaikan dengan menyeluruh, kursus-kursus

kepimpinan untuk pegawai-pegawai masjid bagi meningkatkan kualiti dakwah wajar diteruskan dari semasa ke semasa.

Pengkaji juga menemui beberapa permasalahan yang boleh menghalang usaha-usaha dakwah di kalangan organisasi dakwah dan pendakwah persendirian antaranya masalah kewangan, tiada peruntukan tahunan untuk aktiviti dakwah, kekurangan tenaga da'ie yang amat ketara sekali, kalau adapun para dai'e ini tidak ada pengalaman berdakwah, guru-guru agama yang kurang, bantuan moral dan material yang kurang mendorong ke arah kelambatan dalam penerimaan dakwah Islam di kalangan etnik Penan.

Dalam usaha menarik masyarakat etnik bumiputera Bahagian Bintulu Sarawak kepada Islam, pada pandangan pengkaji beberapa pendekatan dakwah boleh dilakukan sama ada dakwah secara langsung atau dakwah bil hal. Menurut Datuk Amar Hj. Abdul Aziz, Yang Dipertua HIKMAH :

*'.....sebagai badan dakwah HIKMAH di negeri Sarawak, dengan keadaan demografi Sarawak yang agak unik dan berbeza adalah mustahak tugas dan tanggungjawab dakwah dijalankan dengan cara dakwah bil hikmah sepertimana yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w bukan dengan jakan radikal..'*

### **Analisis Dapatan kajian berkaitan Permasalahan dan Faktor Tidak Berminat Terhadap Islam Di Kalangan Etnik Penan Bukan Islam**

Keberkesanan penerimaan Islam dapat dilihat di mana di Kampung. Penan Bt.10, Kampung. Penan Bt.12, Kampung. Penan Bt.12 ½, Kampung. Yuh Suburbun Jaya dan Kampung. Suai sebahagian besar mereka telah menerima dan memeluk Islam. Hasil daripada beberapa pendekatan yang dilakukan, ramai etnik Penan di lokasi kajian menerima Islam. Namun disebabkan oleh halangan-halangan tertentu, hasrat mereka untuk memeluk agama Islam terbantut. Analisis yang diperolehi berkaitan masalah dan halangan penerimaan Islam atau faktor tidak berminat terhadap Islam data menunjukkan :

- Kepercayaan masyarakat kampung yang terlalu kuat kepada ajaran Kristian. Kepercayaan mereka begitu tebal lantaran ikutan mereka kepada ketua-ketua kampung atau orang yang disegani di kampung mereka yang menganut agama Kristian atau bergantung kepada

ketua Isi Rumah. Hal ini pengkaji dapat lihat kepada keluarga Datuk Hassan Suai yang beragama Kristian yang begitu berpegang teguh dengan pandangan Kristian. Begitu juga bagi mereka yang berkepercayaan animisme mereka bergantung kepada En Ugos B.Sugon yang merupakan ketua kampung Suai. Pada pandangan pengkaji, jika kedua-dua tokoh tersebut dapat diislamkan, pengkaji berkeyakinan tinggi proses pengislaman penduduk kampung lain akan menjadi lebih mudah.

- Pandangan negatif masyarakat kampung terhadap orang Islam yang gagal menunjukkan peribadi Islam yang tulen (6.6 %), ajaran Islam merumitkan (7.4 %), tidak pernah dipelawa memeluk Islam (15.4 %), hanya menekankan aspek kehidupan akhirat semata-mata (0.7%), halangan missionary Kristian (6.6%) dan masyarakat Islam tidak cuba mendekati mereka.
- Badan-badan dakwah atau para pendakwah tidak memainkan peranan yang memuaskan terhadap mereka yang telah diislamkan seperti membimbing mereka yang telah memeluk Islam dan tidak menjaga kebajikan mereka. Bukti daripada analisis menunjukkan seramai 58 orang responden (42.6%) yang menyatakan usaha badan dakwah setakat ini dengan jawapan tidak pasti dan sebanyak (1.5 %) yang menyatakan tidak cekap.
- Tidak kurang juga yang memberi alasan kononnya mereka tidak pernah diajak memeluk Islam, tidak tahu tentang Islam, tidak faham konsep Islam yang sebenar, hubungan dengan keluarga akan menjadi renggang, kehilangan kerja, sukar bergaul dengan orang Islam dan tidak mahir berbahasa Melayu.
- Malahan elemen bahasa juga dijadikan sebagai alasan untuk menolak Islam di mana analisis menunjukkan terdapat seramai 64 orang atau (47.1%) yang menyatakan bahasa menjadi penghalang utama untuk mereka memeluk Islam.

Pada pandangan pengkaji, alasan-alasan yang dikemukakan di atas hanya sebagai helah atau muslihat mereka untuk menolak Islam. Hal ini kerana pengkaji mendapati bagaimana ahli keluarga atau masyarakat kampung mereka ini boleh menerima Islam tanpa banyak alasan, tetapi hanya sebahagian kecil yang menolak Islam. Beberapa pendekatan dakwah yang boleh dilakukan kepada masyarakat Penan di Bahagian Bintulu Sarawak antaranya mengadakan program lawatan / ziarah, keluarga angkat, mengadakan malam kesenian dan tayangan Video, Gotong Royong antara jabatan agama dengan penduduk



tempatan yang bukan islam, sukaneka dan sukan, Khidmat Kesihatan, Majlis Dialog, program-program motivasi dan perkahwinan merentasi budaya

### **KESIMPULAN**

Sebagai rumusan terhadap analisis-analisis yang diberikan di atas, pengkaji mendapati beberapa tindakan wajar perlu diambil bagi memastikan usaha dan perjalanan dakwah Islam dapat dikembangkan lagi di di perkampungan Penan Bahagian Bintulu Sarawak. Antaranya ialah badan-badan dakwah perlu bertindak segera membanteras pengaruh Kristian terhadap etnik Penan, kerana ada usaha-usaha missionari Kristian untuk memurtadkan etnik Penan Islam. Pengaruh kuat Kristian dapat dilihat dengan gereja-gereja yang dibina di setiap kampung yang mereka singgahi dan peranan para mubaligh. Meskipun gereja-gereja ini tidak digunakan tetapi tetap ia didirikan bagi menunjukkan syiar Kristian telah sampai di kampung –kampung tersebut. Disamping itu pihak JAIS wajar menyediakan tenaga pendakwah yang komited dan konsisten dalam penyebaran dakwah, membimbing saudara baru pada setiap masa, sentiasa mengadakan jalinan yang rapat bersama etnik Penan menerusi program-program akademik seperti ceramah motivasi, seminar keibubapaan, kursus-kursus kefahaman dan penghayatan Islam, kuliah motivasi, aktiviti riadah dan kesenian Islam. Sementara itu, para pendakwah sewajarnya mengembangkan Islam kepada masyarakat kampung atau etnik-etnik bumiputera lain yang tinggal berhampiran dengan perkampungan etnik Penan. Ketua-ketua Isi Rumah yang telah memeluk Islam seharusnya diberikan keutamaan dalam usaha mendidik anak-anak, isteri, menantu, mentua dan ahli keluarga mereka yang lain dengan pelajaran agama yang kukuh dan secukupnya. Kaedah dakwah yang perlu dipraktikan dan amat sesuai diamalkan adalah dakwah bil hal dan ia terbukti berkesan. Pendekatan dakwah bil hal ini amat menarik dan boleh diterima dengan baik kerana dakwah ini bersifat penyebaran dakwah tidak langsung. Tindakan-tindakan susulan perlu kerap dilakukan agar proses penghayatan dan kefahaman akan lebih lengkap dan dapat diamalkan sepanjang hayat. Dalam pada itu budaya kahwin campur, menempatkan pendakwah di lokasi sasaran mad'u, peranan guru-guru yang bertugas di Sarawak akan memudahkan lagi penyebaran Islam dan tugas-tugas pemantauan dengan bantuan agensi-agensinya dakwah yang berwibawa.

## RUJUKAN

- Ding, Seling & Jayl Langub (198). *The Orang Ulu An Overview*. Sarawak: Museum Journal ( SMJ), XL (61).
- Abdullah Taib. (1985). *Asas-asas Antropologi*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Adi Badiozaman Tuah, et.al,. (1988). *Bintulu Bandarku*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Sarawak, Keluaran Khas 25 Tahun Sarawak Merdeka Dalam Malaysia.
- Ahmad Nidzammuddin Sulaiman. (1994). *Integerasi Kaum Di Sarawak. Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa Dan Pustaka,
- Aminah Abdul Ghani (1999). *The Bintulu Dialect-An Introduction*, The Sarawak Museum Journal, Vol XLIII, No.64, December.
- Asmah Haji Omar. (1994). *Bahasa-bahasa Bumiputera Di Sarawak*, The Sarawak Museum Journal, Vol.XLVII, No.68, Desember.
- Buletin UPMKB. *Bintulu Oh Bintulu*, Edisi 04, Oktober-Disember 2005.
- C.K Lam, Dr.. (Apri 1985). *The Types Of Family In The Sarawak Communities*, The Sarawak Gazette, No.1491, V.CXI, Kuching, Sarawak.
- Chang Foh, Dr., (2000). *History Of Bidayuh In Kuching Division*. Kucing: Press Sdn.Bhd.
- Chang Pat Foh. (1996). *Sejarah Perkembangan Lembah Rejang*. [Terj.Mohemad Hj Arsat]. Sibul, Sarawak, J/K Warisan Kebudayaan Dewan Suarah.
- Chin Ung –Ho. (1996). *The Chinese Politic In Sarawak A Study Of The Sarawak united People’s Party*. London: Oxford University Press.
- Datuk Hassan ak Suai. (2007). *Penasihat Kg. Penan Suai, Bahagian Miri*. Temubual, 4 September.
- E.E Evans Pritchard. (1987). *Teori Agama Primitif*, Penerbit UKM. Dalam Ensiklopedia Agama Dan Etika menyatakan animisma Encyclopedia Of Religion And Ethics, (1964). T & T Clark, Edinburgh, New York : 535).
- Jeffrey Jalong. (2007). *Sape Seni Muzik Terbilang Orang Ulu Sarawak*. Kuching: Creative Media Sdn.Bhd.
- Jimon Ak.Sugon. (2007). *Ketua Kampung Penan Suai. Miri*. Temubual, 24 Mac
- Joseph Ko Tee Hock, (April 1986), *Analyzing Census Data On Religion In Sarawak, 1947-1980*, Sarawak Gazette, No. CXII, No.1495, Kuching, Sarawak.
- Kurt And Brigitte, et.al,. (1994). *Sarawak, Magnificent and Mystical*. Kuala Lumpur: Vinpress.
- Laporan Soal Selidik 2007.
- Muda @ Ismail Abd.Rahman, Prof.Dr. (1998). *Gerakan Agama Kristian Di Malaysia : Satu Tinjauan Khas Di Kuala Lumpur Dan Petaling Jaya*,

- Monograf Yayasan Islam Terengganu Siri (1). c.1. Terengganu: Bahagian Penyelidikan Dan Penerbitan, Yayasan Islam Terengganu.
- Muhammad Yusof Hashim. (1989). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nidzam Sulaiman. (200 ). *Pakatan Dalam Politik Sarawak*. Cet.1. Bangi: UKM Press.
- Norlila Bt.Ahmad. (2007). Residen. Bahagian Miri. Temubual, 10 September.
- Piee B.Miring. (2007). Bekas Ketua Kampung Ke-12 Kg.Penan Bt.10, Bintulu. Temubual, 19 Mac.
- Profail Komuniti Bestari Penan Bt.10, 2007.
- Raini B.Piee. (2007). Pemangku Pengerusi JKKK Kg.Penan Bt.10, Bintulu. Temubual. 20 Mac.
- Raini B.Piee. (2007). Pemangku Pengerusi JKKK Kg.Penan Bt.10, Bintulu. Temubual. 21 Mac.
- Rashidah A.Salam. (2003). The Sense Of Order Of Orang Ulu Decorative Arts: Motif, Design And Pattern. The Sarawak Museum Journal, No. XII, No.79, Desember.
- Ryan,. (1972). *The Cultural Heritage Of Malaya*, Edisi ke.2. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Berhad,
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). (2007). *Penan In Ulu Belaga, Right Land And Socio Economic Development*. Cet.1. Kuala Lumpur.
- Tun Mohamed Suffian B.Hashim. (1984). *Mengenal Perlembagaan Malaysia* Cet.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ugos B. Sugon. (2007). Ketua Kampung Penan Suai. Miri. Temubual, 24 Mac
- Ust.Rafae Morshidi. (2006). Pegawai Agama. Jabatan Agama Islam (JAIS). Bintulu. Temubual, 4 Februari.
- Yuh B.Menjelai. (2007). Ketua Kampung Penan Yuh Sububurn Jaya, Bintulu. Temubual, 26 Mac
- Victor T.K,. (1993). The People Of Borneo, USA. Bahasa pertuturan etnik Penan tidak sama dengan bahasa pertuturan etnik Punan, hlm: 121-124
- Wade Davis, Dr. et.al,. (1990). The Penans, S. Abdul Majeed&Co, Publishing Division Voice For The Borneo Rainforest, Kuching, Sarawak.
- Warta HIKMAH, Okt-Dis (2006). HIKMAH Perlu Restructure Supaya Sentiasa Relevan Dengan Perkembangan Semasa, hlm.3.

*Ahmad Nasir Mohd Yusoff (Dr, Pensyarah Kanan)*  
*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK)*  
*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 Serdang, Selangor*  
*E-mail: ahmadnasir@upm.edu.my*